

Umat Islam mesti berani mengubah nasib — PM

UM - 6 APR 2000

Oleh MARHAINIKAMARUDDIN

KLJALA LUMPUR 5 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata umat Islam mesti sanggup mengubah nasib mereka walaupun terpaksa menghadapi bahaya jika ingin mengembalikan zaman kegemilangan Islam.

Perdana Menteri menegaskan, kesanggupan mereka berbuat demikian merupakan penghijrahan yang sebenarnya.

"Sementara kita berdoa meminta kepada Tuhan, kita juga perlu bertindak dan berusaha sendiri," kata Perdana Menteri dalam perutusan sempena menyambut Mal Hijrah 1421 yang disiarkan menerusi televisyen dan radio malam ini.

Menurut Dr. Mahathir, peristiwa

hijrah membuktikan dengan jelas bahawa Nabi Muhammad juga tidak hanya berdoa dan meminta sahaja daripada Tuhan sebaliknya membuat tindakan tertentu untuk menyelamatkan umat Islam dan menjayakan pengembangan ajaran Islam.

"Jika Rasulullah terpaksa membuat sesuatu sedangkan baginda boleh berdoa dan meminta daripada Allah, apatah lagi penganut biasa agama Islam.

"Tentulah kita perlu berusaha juga, bahkan berusaha dengan lebih kuat," katanya.

Perdana Menteri mendedahkan ada pihak yang berpendapat jika Nabi Muhammad tidak berhijrah dari Mekah ke Madinah sekalipun, Allah akan menentukan agama Islam berkembang juga.

"Kita yakin bahawa agama Islam akan dikembanankan oleh Allah tetapi hakikatnya ialah Nabi berhijrah dan tentulah ada sesuatu pengajaran daripadanya untuk kita orang Islam yang dikehendaki oleh-Nya," tegasnya.

● Teks ucapan penuh PM di muka 6

Dr. Mahathir menekankan penghijrahan Nabi Muhammad sebagai sunah tidak terhad kepada berjalan dari Mekah ke Madinah bahkan merangkumi sebab-sebab dan pendekatan yang dibuat olehnya untuk menyelamatkan umat Islam dan agama Islam.

Beliau menekankan perlunya perubahan pendekatan untuk memperbaiki nasib masyarakat Islam tempatan dan dunia.

"Doa kita sahaja tidak mungkin lebih mustajab daripada doa Nabi.

"Tentulah tindakan penghijrahan oleh kita perlu lebih berat daripada penghijrahan Nabi kesayangan Allah," kata Dr. Mahathir.

Jika peristiwa hijrah diterima sebagai sunah Nabi, Perdana Menteri percaya umat Islam tidak hanya meminta-minta daripada Allah untuk mengembalikan zaman kegemilangan Islam tetapi berusaha mencapainya.

Dalam hal ini, Dr. Mahathir mengajak umat Islam memahami pengajaran sebenar daripada peristiwa hijrah iaitu kesanggupan umat Islam bertindak menukar nasib di dunia serta pentingnya

■ Lihat muka 4

Umat Islam mesti berani mengubah nasib — PM

UM - 6 APR 2000

persaudaraan dan perpaduan untuk menyayakan ummah.

Beliau berkata, persaudaraan dalam Islam adalah satu-satunya ajaran yang boleh memberi banyak kekuatan kepada umat Islam.

"Nabi Muhammad memupuk persaudaraan antara orang Muhajirin dengan orang Ansar melalui ajaran Islam.

"Desakan agama Islam supaya semua orang Islam bersaudara berjaya membendung perasaan kedaerahan," kata beliau.

Sebaliknya apabila mereka lupa kepada persaudaraan dalam Islam, empayar Islam pun hancur dan negara-negara Islam yang menjelma daripada perpecahan itu menjadi kecil, lemah dan mudah ditindas oleh musuh-musuh Islam.

"Yang amat menyedihkan ialah apabila sahaja orang Islam mendakwa berjuang untuk agama Islam maka orang Islam lain akan menjadi mangsa mereka," katanya.

Disebabkan itu, menurut beliau, di mana sahaja mereka yang mendakwa berjuang untuk Islam akan menyebabkan orang Islam berpecah-belah dan menjadi lemah.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berharap sambutan Mal Hijrah kali ini menjadi titik permulaan untuk umat Islam memperbaiki diri dan masyarakat negara ini serta tidak menjadi perayaan pang sia-sia.